

KEMAHIRAN MENDENGAR BAHASA MELAYU DALAM KALANGAN PELAJAR ANTARABANGSA: SATU KAJIAN AWAL

Mazlina Baharudin

Pusat Pengajian Bahasa, Literasi dan Terjemahan, Universiti Sains Malaysia

E-mel: mazlina@usm.my

ABSTRAK

Kemahiran mendengar merupakan perkara asas dalam komunikasi berbanding kemahiran yang lain kerana ia merupakan suatu proses penerimaan yang sangat penting dan perlu untuk dipelajari secara mendalam semasa sesi pembelajaran. Mendengar merupakan kemahiran semula jadi yang diperoleh oleh seseorang melalui bahasa yang dipelajarinya dan dituturkannya. Mendengar juga merupakan aktiviti berbahasa yang aktif kerana proses mendengar melibatkan penggunaan mental, penilaian tahap kefahaman dan kebolehan memproses maklumat yang diperoleh daripada penutur. Oleh yang demikian itu, kemahiran mendengar merujuk kepada keupayaan seseorang itu untuk memahami dengan teliti perkara yang didengarinya dalam pelbagai konteks. Justeru, kajian ini dilakukan untuk menilai tahap penguasaan kemahiran mendengar pelajar antarabangsa yang mengambil kursus Bahasa Melayu II (LKM200) di Pusat Pengajian Bahasa, Literasi dan Terjemahan, Universiti Sains Malaysia. Kajian yang berteraskan kualitatif ini memaparkan peratusan penguasaan kemahiran mendengar pelajar LKM 200 berdasarkan soalan ujian mendengar yang dilaksanakan pada semester pertama Sidang Akademik 2024/2025. Hasil kajian ini menyimpulkan bahawa kemahiran mendengar berbantuan visual sangat membantu untuk meningkatkan kemahiran mendengar pelajar antarabangsa.

Kata kunci: Kemahiran mendengar; pelajar antarabangsa; bahasa.

1. PENGENALAN

Dalam sistem pendidikan di Malaysia, empat jenis kemahiran yang diutamakan iaitu, kemahiran membaca, menulis, mendengar dan bertutur. Kemahiran mendengar dalam bahasa Melayu melibatkan proses menerima, memahami, mentafsir, dan bertindak balas terhadap maklumat yang didengar. Ia adalah kemahiran asas dalam pembelajaran bahasa lisan dan penting untuk komunikasi yang berkesan. Kemahiran mendengar yang baik membolehkan seseorang memahami pelbagai situasi pengucapan, mendapatkan maklumat, dan menghayati bahasa. Kemahiran mendengar melibatkan empat peringkat utama seperti berikut. Pertama, mendengar deretan bunyi bahasa. Kedua, memahami bunyi bahasa. Ketiga, menguasai makna dan keempat, bertindak balas terhadap bunyi bahasa. Kajian ini memfokuskan kemahiran mendengar bahasa Melayu dalam kalangan pelajar antarabangsa yang mengambil kursus Bahasa Melayu II (LKM 200) di Pusat Pengajian Bahasa, Literasi dan Terjemahan, Universiti Sains Malaysia pada semester I, Sidang Akademik 2024/2025.


2. KAEDAH

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang merujuk kepada sesuatu yang berkaitan dengan kualiti atau mutu. Dalam konteks penyelidikan ini, kajian kualitatif adalah pendekatan yang menggunakan data seperti pemerhatian, temubual, dan analisis dokumen untuk memahami secara mendalam sesuatu fenomena atau situasi. Data kualitatif biasanya berbentuk perkataan atau deskripsi, dan tujuannya adalah untuk mendapatkan pemahaman yang kaya dan terperinci tentang perspektif individu atau konteks tertentu. Kajian ini menganalisis keputusan kerja kursus ujian mendengar yang dilaksanakan oleh pelajar LKM 200.

3. RESPONDEN KAJIAN

Responden kajian ini terdiri daripada 24 orang pelajar antarabangsa dari pelbagai negara yang mengambil kursus LKM 200. Pelajar ini perlu mengambil kursus LKM 200 dan wajib lulus sebagai syarat untuk berijazah. Kursus LKM 200 ini merupakan seratus peratus kerja kursus. Dalam kursus ini, pelajar dikehendaki melengkapkan empat kerja kursus iaitu ujian membaca, ujian mendengar, pembedaan lisan dan ujian penulisan. Walau bagaimanapun, kajian ini hanya akan berfokus pada keputusan ujian mendengar.

Carta 1. Negara asal pelajar



4. DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Ujian mendengar ini dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu A dan B. Bagi menjawab soalan bahagian A, pelajar diberikan kertas jawapan yang mengandungi gambar. Ada 12 gambar yang perlu dipilih oleh pelajar sebagai jawapan. Guru akan membacakan ayat dan pelajar perlu menandakan jawapan yang betul pada gambar yang disediakan. Hanya ada 10 gambar yang sepadan dengan ayat yang dibacakan oleh guru.


Jadual 1: Soalan bahagian A

		B	
F		D	
E		C	
I		G	
J		A	
H			

Gambar A: Nenek saya berumur 80 tahun. Sebanyak 95.8% memberikan jawapan yang betul dan 4.2% memberikan jawapan yang salah. Gambar B: Adik menerima sampul berisi wang. Sebanyak 91.6% memberikan jawapan yang betul dan 8.4% memberikan jawapan yang salah. Gambar C: Ahli

keluarga saya ada enam orang. Sebanyak 79.1% memberikan jawapan yang betul dan 20.9% memberikan jawapan yang salah. Gambar D: Dia berjumpa doktor kerana dia demam. Sebanyak 95.8% memberikan jawapan yang betul dan 4.2% memberikan jawapan yang salah. Gambar E: Harga sepasang kasut hitam itu RM280. Sebanyak 87.5% memberikan jawapan yang betul dan 12.5% memberikan jawapan yang salah. Gambar F: Penjual itu menjual ikan di pasar malam. Sebanyak 91.6% memberikan jawapan yang betul dan 8.4% memberikan jawapan yang salah. Gambar G: Kami suka membeli-belah di pasar raya Lotus's. Sebanyak 87.5% memberikan jawapan yang betul dan 12.5% memberikan jawapan yang salah. Gambar H: Mereka makan tengah hari di restoran Subaidah. Sebanyak 91.6% memberikan jawapan yang betul dan 8.4% memberikan jawapan yang salah. Gambar I: Bapa saya memandu kereta ke pejabat setiap hari. Sebanyak 87.5% memberikan jawapan yang betul dan 12.5% memberikan jawapan yang salah. Gambar J: Kawan saya pergi ke Kuala Lumpur dengan kapal terbang. Sebanyak 79.1% memberikan jawapan yang betul dan 20.9% memberikan jawapan yang salah.


Carta 2. Graf yang menjawab dengan betul bahagian A



Soalan bahagian B pula, 15 ayat dibacakan oleh guru. Pelajar dikehendaki menandakan betul atau salah pada lembar jawapan yang disediakan. Ayat 1, Adik-beradik saya ada lima orang. Sebanyak 79.1% memberikan jawapan yang betul dan 20.9% memberikan jawapan yang salah. Ayat 2, Ibu saya menggoreng ikan bilis dan telur. Sebanyak 79.1% memberikan jawapan yang betul dan 20.9% memberikan jawapan yang salah. Ayat 3, Nenek dan datuk saya tinggal di kampung. Sebanyak 83.3% memberikan jawapan yang betul dan 16.7% memberikan jawapan yang salah. Ayat 4, Mereka membeli kemeja biru di pasar raya. Sebanyak 87.5% memberikan jawapan yang betul dan 12.5% memberikan jawapan yang salah. Ayat 5, Saya tidak mahu pembantu kedai yang pemalas. Sebanyak 37.5% memberikan jawapan yang betul dan 62.5% memberikan jawapan yang salah. Ayat 6, Adik meminjam pemadam daripada kawannya. Sebanyak 66.7% memberikan jawapan yang betul dan 33.3% memberikan jawapan yang salah. Ayat 7, Setiap hari saya bersarapan nasi lemak dan teh tarik. Sebanyak 62.5% memberikan jawapan yang betul dan 37.5% memberikan jawapan yang salah. Ayat 8, Minggu lepas kami sekeluarga pergi bercuti ke Pulau Langkawi. Sebanyak 91.6% memberikan jawapan yang betul dan 8.4% memberikan jawapan yang salah. Ayat 9, Mereka mencari cenderamata

di kedai itu. Sebanyak 70.8% memberikan jawapan yang betul dan 29.2% memberikan jawapan yang salah. Ayat 10, Saya menerima wang daripada bapa saya. Sebanyak 41.6% memberikan jawapan yang betul dan 58.4% memberikan jawapan yang salah. Ayat 11, Pelajar mengambil buku daripada Cikgu Aina. Sebanyak 50.0% memberikan jawapan yang betul dan 50.0% memberikan jawapan yang salah. Ayat 12, Kami menlawat Zoo Negara pada hari Ahad. Sebanyak 66.7% memberikan jawapan yang betul dan 33.3% memberikan jawapan yang salah. Ayat 13, Aliza melihat ramai pelancong di Pasar Seni. Sebanyak 62.5% memberikan jawapan yang betul dan 37.5% memberikan jawapan yang salah. Ayat 14, Mereka bermain bola dari pukul 5.00 hingga 6.00 petang. Sebanyak 62.5% memberikan jawapan yang betul dan 37.5% memberikan jawapan yang salah. Ayat 15, Abang saya suka memandu kereta ke pejabatnya. Sebanyak 62.5% memberikan jawapan yang betul dan 37.5% memberikan jawapan yang salah.

Carta 3. Graf yang menjawab dengan betul bahagian B



Secara keseluruhannya, gambar yang diberikan sebagai panduan sangat banyak membantu para pelajar untuk menjawab ujian mendengar. Hal ini berlaku kerana peratusan yang betul dalam bahagian A lebih tinggi daripada bahagian B. Kalau diikutkan logik akal, sepatutnya pelajar dari Indonesia boleh mendapat markah penuh dengan betul semua. Tetapi hal ini tidak berlaku walaupun kita menggunakan bahasa serumpun. Sebaliknya pelajar dari utara Thailand yang mendapat 100%, sedangkan di bahagian utara Thailand tidak menggunakan langsung bahasa Melayu seperti di selatan Thailand. Kekangan utama yang dihadapi oleh pelajar antarabangsa ini ialah kurangnya laman sesawang yang sesuai untuk mereka meningkatkan penguasaan kemahiran mendengar. Hal ini kerana, jika ada beberapa laman sesawang pun, perkataan yang disebut sangat cepat dan pelajar sukar memahaminya.

5. KESIMPULAN

Semoga dengan hasil dapatan kajian ini, dapatlah difikirkan beberapa langkah yang boleh dilaksanakan untuk membantu pelajar antarabangsa ini menguasai kemahiran mendengar bahasa Melayu pada masa akan datang.

6. RUJUKAN

Abdullah Hassan. (1980). *Linguistik Am untuk Guru Bahasa Malaysia*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.

Asmah Hj. Omar. (2003). *Pengajaran Bahasa Melayu untuk Penutur Asing: Kaedah dan Prinsip*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Awang Sariyan. (2004). *Teras Pendidikan Bahasa Melayu Asas Pegangan Guru*. Bentong: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Awang Sariyan. (2006). *Pengajaran Bahasa Melayu Kepada Penutur Asing: Matlamat dan Pertimbangan Strategi*. Jurnal Persatuan Linguistik 7: 1-15

<https://journalarticle.ukm.my/14574/1/220-427-1-SM.pdf>

https://www.google.com/search?q=kemahiran+mendengar+bahasa+melayu&sca_esv=93ce38f3dfebfe2&sxsrf

<https://www.google.com/search?q=kemahiran+di+sekolah+rendah+di+malaysia&oq=kemahiran+di+sekolah+rendah+di+malaysia>